

Kepada : Semua PTJ
Daripada : Bendahari
Ruj. Kami : UPSI/BEN/APK / 72-1JK 44(74)
Tarikh : 24 Julai 2021
14 Zulhijjah 1442H

**PINDAAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN INSENTIF BAGI MENGGALAKKAN
PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB YANG GIAT
MENJANA PENDAPATAN**

Dengan segala hormatnya Pekeliling Bendahari Bil.2/2021 bertarikh 8 April 2021 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.9/2021 bertarikh 25 Mei 2021 telah memutuskan bahawa tiada pemberian insentif dalam bentuk wang tunai dibenarkan setelah merujuk kepada pihak Kementerian Kewangan. Pemberian insentif daripada lebih pendapatan aktiviti penjanaaan yang dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti, Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Jawatankuasa Pemegang Akaun Amanah Induk adalah seperti berikut :-

- Perolehan harta modal
- Pembangunan sumber manusia dan kepakaran kakitangan
- Perbelanjaan keraian
- Kemudahan Notebook/Tablet
- Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih (AKMA)

3. Selaras dengan kelulusan tersebut, Garis Panduan Pemberian Insentif Bagi Menggalakkan Penjanaaan Pendapatan Kepada Pusat Tanggungjawab Yang Giat Menjana Pendapatan boleh dimuat turun melalui Laman Web Jabatan Bendahari UPSI <http://bendahari.upsi.edu.my>.

4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas boleh diajukan kepada Unit Penjanaaan 6581/6512 atau Unit Kump. Wang Jabatan Bendahari di talian 6330/6604.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah

(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)

